

13/04/1997

Bangun, jatuh Muhammad Taib

Razali Zakaria; Azizi Othman

BAGI seorang lelaki yang sentiasa mendapat perhatian ramai, termasuk di kalangan rakan dan musuh dalam politik kerana kejayaannya dalam bidang politik dan kisah peribadinya yang sering menggemparkan, Tan Sri Muhammad Muhd Taib akhirnya tunduk kepada resam politik.

Siapa yang akan lupa kisah perkahwinannya dengan Tengku Zahariah Sultan Salahuddin Abdul Aziz, anak Sultan Selangor, pada 1989. Walaupun perkahwinan itu dirahsiakan, beliau tetap menantu raja dan kisah inilah yang membuatkan Muhammad menjadi popular.

Walaupun sebelum rahsia perkahwinan itu terbongkar pada 1990 sehingga menimbulkan kemurkaan sultan, sudah ada beberapa cabaran yang dihadapinya sehingga hampir menjejaskan kariernya. Tetapi, semua itu ditangani dengan baik.

Pada Disember 1989, lapan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional mengancam meletak jawatan kerana membantah Seksyen 67 dan 70 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor. Tetapi ketegasannya mempertahankan Islam menyebabkan isu sensitif itu dapat diselesaikan.

Pada 3 Oktober 1991 kemuncak perang dingin dengan Sultan Selangor kerana perkahwinannya dengan Tengku Zahariah, beliau bertikam lidah secara berdepan dengan sultan dalam satu majlis di Hulu Klang menyebabkan semua yang hadir tersentak.

Perang dingin itu berterusan apabila Sultan Selangor menolak senarai nama penerima pingat yang diserahkan oleh kerajaan negeri pada 1992 sempena ulang tahun keputeraan Sultan Selangor ke-66. Masalah hubungan di antara kerajaan negeri dan Umno Selangor dengan istana meledak menjadi pertentangan terbuka apabila kedua-dua pihak mengambil pendirian berbeza mengenai soal penganugerahan bintang dan pingat kebesaran.

Bagi Muhammad, Khamis 14 Ogos 1986 adalah hari paling berjaya dalam karier politiknya apabila beliau dilantik sebagai Menteri Besar Selangor menggantikan Datuk Ahmad Razali Mohd Ali. Sejak itu, beliau mula menanam tekad untuk membawa Selangor menjadi negeri paling maju di sektor industri.

Dari segi pentadbiran, banyak agenda yang disusunnya yang antara lain mengilhamkan Wawasan 2005 sebagai matlamat menjadikan Selangor negeri maju. Beliau juga adalah antara pencetus Melayu Baru apabila menulis sebuah buku yang menjadi 'blueprint' ke arah melahirkan 'Melayu Baru'.

Halacara Baru Gerak Cepat Mengisi Wawasan yang mengandungi pelbagai iltizam adalah antara usahanya mengajak rakyat Malaysia meluru ke hadapan supaya Wawasan 2020 dapat dicapai lima atau 10 tahun lebih awal daripada sasaran.

Antara inisiatif bagi merealisasikan hala cara itu ialah pemilihan dan pelantikan 2020 tokoh pemangkin wawasan dari kalangan warganegara Malaysia yang bermastautin di Selangor, pembentukan Taman Fikrah, Kelab Remaja Wawasan, perayaan bulan iltizam wawasan pada setiap Februari sebagai strategi penilaian dan pemantauan serta Skim Media Tangkas Obor Wawasan.

Beliau turut memperkenalkan tujuh visi utama dalam Pelan Tindakan Gerak Cepat Mengisi Wawasan. Tujuh visi itu berlandaskan aspirasi sembilan cabaran Wawasan 2020 ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga adalah pejuang bangsa Melayu dan ini dibuktikan dengan usahanya menubuhkan Sekretariat Melayu Antarabangsa dan melawat beberapa negara yang mempunyai rakyat keturunan Melayu.

Dalam bidang ekonomi, sumbangan besar Muhammad dalam usaha menerajui perkembangan ekonomi Selangor memang tidak dapat dinafikan. Selangor kini ialah negeri paling pesat membangun daripada segi ekonomi dengan anggaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 10.7 peratus setahun dan angka itu dijangka mampu bertahan beberapa tahun lagi.

Meneliti pencapaian Muhammad dalam membangunkan ekonomi, sukar untuk dinafikan bahawa beliau adalah antara orang paling instrumental dalam meletakkan Selangor ke tahapnya hari ini. Infrastruktur canggih, dasar pelaburan yang berwibawa serta pakej galakan untuk pelaburan yang inovatif adalah pendokong kepada kejayaan ekonomi Selangor.

Meneliti pencapaiannya sehingga ini, ketokohan beliau sebagai penggerak pembangunan ekonomi memang sudah teruji. Sejak diberi kepercayaan sebagai menteri besar, beliau membuat pelbagai perubahan dari segi ekonomi negeri itu. Pembaharuan dan reformasi itu nyata sekali amat sesuai memandangkan negara sedang melonjak ke satu tahap lebih cemerlang sejajar dengan hasrat kerajaan menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

Seperkara yang jelas dari segi sumbangan Muhammad terhadap pertumbuhan ekonomi Selangor ialah kejayaannya membawa negeri itu keluar daripada belunggu imej 'sleepy hollow' menjadi sebuah pusat perindustrian dan antara tiang utama pertumbuhan ekonomi negara.

Pertumbuhan pesat kemajuan ekonomi Selangor hari ini bukanlah dicapai menerusi jalan mudah sebaliknya ia lebih cenderung kepada strategi jangka panjang yang diketengahkan oleh Muhammad dalam memajukan ekonomi negeri itu. Hasrat itu jelas dibentangkannya ketika berucap di konvensyen Umno Selangor pada 26 Oktober 1992, di mana Muhammad menggariskan wawasannya menjadikan negeri itu sebagai sebuah negeri perindustrian menjelang tahun 2005.

Sebagai tindakan susulan daripada usaha itu, pelbagai program dilaksanakan. Kebanyakan program itu yang berorientasikan pendekatan swasta, dibentuk khusus untuk memacu pertumbuhan ekonomi Selangor ke arah matlamat yang disasarkan. Hasilnya lahirlah program yang disasarkan khusus untuk mengangkat pencapaian ekonomi Selangor.

Walaupun pada awalnya ramai yang tidak yakin dengan keupayaan Selangor mencapai matlamat itu, kini suara sumbang yang melabel Muhammad sebagai tokoh yang berangan-angan tinggi dengan wawasannya itu lenyap. Sebaliknya, beliau kini dilihat sebagai "jurutera ekonomi" Selangor. Pendekatan pragmatik yang digunakannya dalam mencapai matlamat itu wajar dikagumi dan dicontohi pemimpin lain di negara ini.

Kepemimpinan Muhammad dalam memajukan Selangor terbukti apabila negeri itu muncul sebagai destinasi utama pelaburan asing di Malaysia. Sejak 1987, iaitu setahun selepas beliau dilantik sebagai menteri besar, Selangor berjaya menarik kemasukan 2,163 projek perkilangan yang membabitkan pelaburan RM40 bilion.

Daripada jumlah itu, 94,353 terbabit dalam industri barangan elektronik dan elektrik, 36,444 dalam industri barangan getah manakala bakinya dalam industri kelengkapan pengangkutan, industri perabot dan lain-lain. Selain itu, RM4.7 bilion nilai pelaburan diluluskan di Selangor membabitkan 214 projek yang menawarkan peluang pekerjaan sebanyak 2,117 sepanjang 1996. Jumlah itu ialah 27.4 peratus daripada keseluruhan pelaburan yang masuk ke Malaysia bagi tahun itu.

Dalam keghairahan memajukan ekonomi menerusi pembabitan asing, Muhammad juga tidak mengabaikan kepentingan dalam negara dan ia terbukti apabila baru-baru ini, Selangor mengumumkan sasaran pelaburan RM40 bilion bagi pelbagai program pembangunan sektor awam dan swasta melalui Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) dalam usaha melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang berdaya saing.

Daripada keseluruhan peruntukan itu, 80 peratus atau RM32 bilion akan

disalurkan khusus kepada pelaburan sektor swasta manakala bakinya adalah pembiayaan agensi kerajaan atau sektor awam. Kerajaan negeri juga menyediakan peruntukan pembangunan sektor awam yang besar iaitu kira-kira RM8.3 juta dalam RM-7 membabitkan 70 peratus sumber projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan di Selangor manakala bakinya sumber kerajaan negeri.

Sebenarnya, kejayaan Selangor memajukan ekonominya menampakkan hasil cemerlang selepas 1995, iaitu tahun di mana asas ekonomi negeri itu yang sebelumnya berasaskan sumber pertanian, berjaya dirombak sepenuhnya sehingga Selangor muncul sebagai lembah perindustrian negara yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ringkasnya, kejayaan Muhammad sebagai pemimpin politik banyak disokong oleh kredibilitinya sebagai tokoh pembangunan ekonomi. Semua pihak pasti ingat bagaimana keadaan ekonomi Selangor pada era awal 1980-an perkembangan pesatnya sehingga ke hari ini.

Namun, Muhammad yang dianggap menteri besar paling berjaya dalam mentadbir Selangor dan membawa negeri itu mendahului negeri lain dalam semua segi, akhirnya tidak dapat bertahan apabila membuat keputusan melepaskan semua jawatan dalam politik mulai Isnin ini.

Jika hari Khamis dianggap tuah baginya dan tidak akan dilupakan kerana dilantik menjadi Menteri Besar Selangor, maka hari Ahad juga tidak akan beliau lupa. Ahad 29 Julai 1945 adalah hari beliau dilahirkan, manakala Ahad 22 Disember 1996 pula, Muhammad ditahan oleh Kastam Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane kerana cuba membawa keluar wang tunai RM2.4 juta tanpa membuat pengisytiharan kepada pihak berkuasa negara itu.

Kelmarin, Mahkamah Majistret Brisbane diberitahu bahawa Muhammad akan menerima satu lagi dakwaan iaitu mengikut Akta-Akta Laporan Urusniaga Kewangan Australia kerana membuat pengisytiharan palsu.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) turut menghantar pegawainya ke Australia selepas laporan akhbar menyatakan Muhammad memiliki harta berjuta-juta ringgit di negara itu.

Semalam, Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat memutuskan menerima keputusan perletakan jawatan oleh Muhammad sebagai Menteri Besar Selangor dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan dan Selangor serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor.

Menurut Dr Mahathir, Muhammad meletak jawatan itu kerana tidak mahu kes siasatan dan dakwaan terhadapnya dikaitkan dengan parti.